

A) Bandar Yamaguchi di Jepun Tersenarai oleh The New York Times dalam senarai 52 Tempat untuk Dilawati Tahun 2024

Antara 52 Tempat untuk Dilawati tahun 2024, yang baru-baru ini dikeluarkan oleh *The New York Times*, ialah bandar Yamaguchi di Jepun. [Bandar Yamaguchi](#) ialah ibu negeri wilayah Yamaguchi yang terletak di bahagian barat Pulau Honshu Jepun, dan merupakan destinasi yang menarik yang menyatukan kebudayaan Jepun dan keindahan alam sekitar. Yamaguchi menawarkan pelbagai pengalaman yang menarik untuk para peminat sejarah, pencinta alam, dan mereka yang mencari pesona Jepun yang sejati.



Ruriko-Ji, Bandar Yamaguchi



Jambatan Tsunoshima, Shimonoseki

Kebanggaan wilayah Yamaguchi terletak pada warisan sejarah mendalam yang menarik para pelawat kepada era bersejarah. Bandar Yamaguchi yang pernah menjadi pusat politik dan budaya domain Choshu, mengekalkan banyak tapak sejarah seperti Ruriko-ji di [Taman Kozan](#), tapak Warisan Dunia UNESCO dengan pagoda lima tingkat yang megah. Kuil ini, yang dikelilingi oleh bunga-bunga plum dan sakura pada musim bunga serta taman yang indah, menawarkan tempat yang damai untuk menghargai keajaiban seni bina tradisional. The New York Times juga mengesyorkan Yuda Onsen yang menawarkan pelbagai *ryokan* (penginapan tradisional Jepun) untuk pelancong, dan Pesta Yamaguchi Gion yang berlangsung pada setiap musim panas sejak lebih 600 tahun dahulu.

Pelancong dari Malaysia juga boleh menikmati kawasan sekitar Yamaguchi seperti bandar [Shimonoseki](#) yang terkenal sebagai 'Fugu Capital' di Jepun dan [Jambatan Tsunoshima](#) yang indah terletak di sini juga, dan [Pasar Karato](#), pasar makanan laut yang menarik

nelayan-nelayan dari seluruh Jepun. Pelancong yang meminati budaya Jepun boleh melawat bandar [Hagi](#) yang bersejarah, sebuah bandar purba yang terpelihara dengan baik, dan lebih ke utara dari Hagi terletak kawasan fotogenik di sekitar [Kuil Motonosumi](#) dengan ratusan pintu *tori* merah di tepi laut.



Kuil Motonosumi, Nagato

Kadang-kadang dilepas pandang oleh pelancongan utama, Yamaguchi semakin mendapat perhatian secara beransur-ansur, seperti yang telah dibuktikan dengan kemasukan bandar ini dalam senarai 52 Tempat untuk Dilawati *The New York Times* pada tahun 2024. Senarai *The New York Times* tahun lepas termasuk juga dua bandar di Jepun, iaitu [Morioka](#), ibu negeri Wilayah Iwate, dan [Fukuoka](#), ibu negeri Wilayah Fukuoka.

B) JNTO KL Mengumumkan Statistik Tentang Bilangan Ketibaan Dari Malaysia ke Jepun Pada Tahun 2023

JNTO telah mengeluarkan statistik tentang ketibaan pelawat asing ke Jepun melalui laman web mereka (dalam bahasa Jepun) pada tahun 2023. Dari bulan Julai hingga Disember tahun 2023, Jepun menyambut lebih daripada dua juta pelawat antarabangsa setiap bulan secara berturut-turut, menunjukkan bahawa Jepun masih menjadi destinasi pilihan oleh para pelancong. Angka anggaran yang dikeluarkan oleh JNTO melaporkan bahawa sejumlah lebih daripada 25 juta pelawat telah memasuki Jepun pada tahun 2023, membuktikan bahawa negara ini sedang pulih ke tahap pra-pandemik COVID-19 di mana pada tahun 2019, lebih daripada 31 juta pelawat mengunjungi negara itu.

Bagi warganegara Malaysia yang memasuki Jepun, jumlahnya tetap kukuh dan semakin menghampiri bilangan pada tahun 2019, dengan lebih daripada 60,000 rakyat Malaysia melawat Jepun pada bulan Disember berbanding dengan 78,250 orang untuk bulan yang

sama pada tahun 2019. Tambahan pula, jumlah pelawat dari Malaysia ke Jepun adalah lebih daripada 415,000 orang. Angka anggaran JNTO untuk kedatangan pelawat dari Malaysia ke Jepun disenaraikan dalam jadual di bawah:

Bulan	Bilangan ketibaan	Bulan	Bilangan ketibaan
January 2023	27,099	July 2023	17,357
February 2023	31,992	August 2023	19,206
March 2023	38,904	September 2023	27,543
April 2023	40,244	October 2023	45,162
May 2023	34,004	November 2023	51,400
June 2023	22,009	December 2023	60,800

Sumber: [JNTO](#)

Mengenai JNTO Kuala Lumpur Office

JNTO ialah organisasi “non-profit” kerajaan Jepun, dan pejabat JNTO Kuala Lumpur terlibat dalam pelbagai aktiviti di Malaysia untuk mempromosi dan menggalakkan pengunjung dari Malaysia untuk mengutamakan Jepun sebagai destinasi dalam rancangan pelancongan mereka. Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.japan.travel/en/my/>

Untuk pertanyaan media: info_kul@jnto.go.jp | my-all@vectorinc.jp